

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Gambaran gembira dalam khazanah bahasa

BERSAMA



SUHAIMI MOHSEN
suhaimi@sph.com.sg
Editor Naskhah

Satu dapatan tinjauan tentang mutu hidup baru-baru ini menyatakan bahawa rakyat Singapura didapati kurang gembira sejak sedekad lalu.

Tinjauan itu juga mendapati bahawa mereka yang mendakap keluarga dan tradisi, mengambil berat tentang masyarakat dan alam sekitar, serta mempunyai wang dan kedudukan sosial umumnya berpuas hati dengan kehidupan mereka; sementara mereka yang mengutamakan harta benda dan barang dan perkara mewah dalam hidup merupakan golongan yang paling tidak berpuas hati, walaupun berada dalam kedudukan kewangan lebih baik.

Dapatan tinjauan itu dibentangkan pada Januari 2024 oleh ahli akademik Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) – Profesor Madya Tambyah Siok Kuan; zamil kehormat Tan Soo Juuan; dan calon Doktor Falsafah (PhD) Yuen Wei Lun – dalam sebuah buku.

Gembira adalah sebahagian daripada asam garam dan pahit manis yang menghiasi kehidupan.

Pada dasarnya, gembira adalah perasaan dalam hati, yang kadangkala boleh terlihat pada wajah atau dilahirkan.

Banyak perkara yang boleh mendatangkan kegembiraan – kecil atau besar, sedikit atau banyak – sama ada berbentuk harta dan kekayaan, wang dan kedudukan, memperoleh sesuatu yang dikehendaki atau diharapkan, dan pelbagai perkara yang mendatangkan kegembiraan.

Pembentangan Belanjawan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong, misalnya merupakan satu berita gembira.

Dalam satu catatan Facebook misalnya, berkaitan Belanjawan, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Menteri Kedua Kesihatan, yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Ehsan Masyarakat Islam, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, berkata beliau gembira melihat pelbagai langkah yang dikongsi di #SGBudget2024 untuk menyokong pekerja kita dan perusahaan tempatan.

“Saya berharap agar semua orang termasuk masyarakat Melayu/Islam akan memanfaatkan sokongan yang ditawarkan oleh pemerintah untuk meraih peluang-peluang yang lebih baik,” kata beliau.

Satu filem pernah diterbitkan tentang mengejar kebahagiaan atau kegembiraan hidup.

Filem, *Pursuit of Happiness*, misalnya adalah kisah mengenai seorang jurujual yang tidak mempunyai apa-apa, bergelut menjaga anak lelakinya dan perjuangannya ke arah kejayaan dan kebahagiaan.

Pada dasarnya, kamus menjelaskan bahawa gembira bererti sangat suka, girang, berasa

lapang dan besar hati – perasaan senang dalam hati. Adakala perasaan itu terlihat, sama ada wajah (muka yang kelihatan berseri), senyuman dan/atau ketawa.

Gembira berlaku dengan banyak sebab – umumnya kerana atau apabila beroleh sesuatu yang membuat hati senang – misalnya gembira dapat berita baik, gembira dapat keputusan baik, gembira hajat terkabul, gembira dapat durian runtuh, gembira naik pelamin, gembira bercuti, gembira bersama keluarga, gembira dengan pelbagai hiburan, sukan, dan gembira hidup senang dengan memiliki serba-selbi dan tanpa sebarang kesulitan atau masalah.

BEBERAPA PERKATAAN SEERTI

Dalam khazanah bahasa Melayu, terdapat beberapa perkataan yang seerti atau hampir sama makna dengan gembira.

Suka atau *suka hati* juga adalah gambaran perasaan perasaan gembira.

Girang juga menggambarkan keadaan hati gembira lagi senang.

Keluarga Kalsom girang melihat anak bongsu mereka mencapai keputusan cemerlang dan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan

Satu lagi contoh: Suzannah hadir ke majlis dengan pakaian berwarna ceria, sesuai dengan majlis yang diadinkannya.


Bahagia juga perkataan yang berkait dengan gembira. Misalnya, walaupun tinggal di rumah sederhana dengan gaji sederhana, keluarga Ahmad hidup bahagia, yang juga bermakna hidup gembira.

Satu lagi perkataan yang berkaitan dengan gembira ialah *ria*.

Ria menggambarkan keseronokan. Bersuka ria bermakna berseronok-seronok.

Pesta ria adalah pesta berunsur keseronokan, dan pasar ria adalah acara yang menggabungkan penjualan barang berserta hiburan dan permainan yang berunsur keseronokan.

Acara *Riang Ria Aidilfitri* misalnya merupakan acara yang membawa kegembiraan semasa menyambut Hari Raya.



Dapat menggunakan komputer dan Internet cukup menggembirakan bagi sebahagian pelajar, seperti potret yang tersenyum gembira dapat melayari Internet di perpustakaan sekolah. – Foto hiasan ISTOCKPHOTO

kan pengajian di luar negara.

Riang juga bermakna gembira, suka hati, girang. Rasa riang itu biasanya terlihat.

Misalnya, kanak-kanak bermain dengan riang gembira menggambarkan suasana riuh, yang diisi dengan wajah gembira dan ketawa.

Satu lagi: Ahmad pulang ke rumah dengan wajah riang kerana mendapat keputusan cemerlang.

Apabila dibubuh imbuhan ‘pe’ pada riang, menjadi *periang*, ia menggambarkan perwatakan seseorang yang periang. (Tentunya tidak ada istilah pegembira!)

Salah satu daripada makna *ceria* juga bermakna gembira.

Misalnya, ayat “awak kelihatan ceria hari ini” ialah gambaran mengenai seseorang yang kelihatan gembira dan terlihat pada wajah.

Namun, *ceria* tidak terbatas pada perasaan dalam hati. *Ceria* juga menggambarkan suasana pada tempat, pakaian dan warna.

Misalnya tempat makan ceria atau dengan suasana ceria bermakna tempat yang kelihatan bersih dan cantik; ruang pejabat yang ceria ialah ruang pejabat yang dihias indah seperti poster dan pokok bunga.

GAMBARAN GEMBIRA

Terdapat perkataan yang berkaitan atau menggambarkan kegembiraan.

Senyum dan ketawa menggambarkan kegembiraan.

Bahagia, seperti hidup bahagia di samping keluarga, adalah gambaran hidup gembira.

Meriah misalnya adalah gambaran suasana riang, gembira dalam sesuatu acara.

Misalnya, acara Perbarisan Hari Kebangsaan setiap tahun disambut dengan penuh meriah.

Bersorak biasanya gembira – para penyokong pasukan bersorak kegembiraan apabila pasukan mereka menjaringkan gol.

Rasa besar hati adalah gambaran perasaan gembira.

Suka dan sukacita adalah gambaran gembira atau senang hati.

Bersiu-siu biasanya ada kaitan dengan hati gembira. Jarang orang dalam marah bersiu-siu.

Bertepuk tangan juga tanda gembira. Lirik satu lagu kanak-kanak yang biasa diajarkan menyebut: “Kalau gembira ria tepuk tangan...”

GEMBIRA DALAM ISLAM

Selain menjelaskan tentang keesaan Tuhan dan risalah panduan mengenai bagaimana menjalani hidup, antara misi lain Al-Quran ialah mengenai akhirat – ada hidup di seberang kematian dan pembalasan. Pembalasan akhirat menjadi berita gembira kepada orang yang beriman dan sebagai amaran terhadap orang yang ingkar.

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyebut tentang gembira. Antaranya:

“...Dan kami turunkan kepadamu Al kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta Rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri.” – An-Nahl: 89.

Surah Al Israa’: 9 menyatakan: “Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang Mukmin yang mengerjakan amal soleh bahawa bagi mereka ada pahala yang besar”.

Begitu juga Surah Maryam: 97, menyatakan: “Maka sesungguhnya telah kami mudahkan Al-Quran itu dengan bahasamu agar kamu dapat memberi khabar gembira dengan Al-Quran itu kepada orang-orang yang bertakwa, dan agar kamu memberi peringatan dengannya kepada kaum yang membangkang.”

Seorang ulama Al-Azhar, Syekh Mahmud Syaltut, berdasarkan hadis Rasulullah *saw*, menjelaskan tentang kegembiraan atau kebahagiaan. Kegembiraan bagi seorang Muslim adalah kerana berjaya melaksanakan ibadah atau kewajipan agama.

PERIBAHASA

Terdapat beberapa peribahasa yang menggambarkan atau menyentuh soal gembira. Antaranya:

Bagai anjing melintang denai bermakna sangat gembira (denai ialah jejak binatang besar di hutan).

Bagai si mandul mendapat anak bermakna gembira kerana mendapat barang kesukaan.

Peribahasa yang serupa makna ialah *bagai perempuan bunting bertemu idamannya* – ia itu gembira kerana mendapat barang kesukaan.

Satu lagi gambaran sangat gembira ialah *bagai kera mendapat pisang*.

Anak kuda bulu kasap pula adalah gambaran anak muda yang riang gembira. Bulu kasap ialah bulu yang tidak licin.

Ditanam tebu di telinga, berkembang bunga raya di muka pula adalah gambaran gembira kerana mendengar pujian.

Tua-tua tupai tak tidur atas tanah pula menggambarkan orang tua yang senantiasa riang gembira hidupnya.

Ungkapan *kerana lotong terlalu makan, tupai kera mendapat pisang* pula memberi gambaran tentang orang besar-besar yang bersuka-ria, dan orang kecil-kecil pula gembira berlebih-lebihan. Lotong adalah sejenis kera hitam.

“Gembira adalah sebahagian daripada asam garam dan pahit manis yang menghiasi kehidupan. Pada dasarnya, gembira adalah perasaan dalam hati, yang kadangkala boleh terlihat pada wajah atau dilahirkan. Banyak perkara yang boleh mendatangkan kegembiraan – kecil atau besar, sedikit atau banyak – sama ada berbentuk harta dan kekayaan, wang dan kedudukan, memperoleh sesuatu yang dikehendaki atau diharapkan, dan pelbagai perkara yang mendatangkan kegembiraan.”

– Penulis.